

**KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA JABATAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH 2023 (INTER PTJ)
PERATURAN PERMAINAN – CATUR**



**PERATURAN PERMAINAN
CATUR INDIVIDU**

1. UNDANG – UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang FIDE yang digunakan di peringkat antarabangsa dan Peraturan AM InterPTJ yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.
- 1.2 Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran Inter PTJ.
- 1.3 Kecuali apa yang disebut dalam peraturan yang menguasai dalam peraturan ini maka undang-undang dan peraturan AM Inter PTJ adalah diikuti.

2. JENIS PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan yang dipertandingkan adalah:
 - 2.1.1 Kategori Individu Lelaki
 - 2.1.2 Kategori Individu Wanita

3. UNDANG UNDANG PERMAINAN

- 3.1 Setiap PTJ dibenarkan mendaftar lebih dari seorang pemain dan tiada had ditetapkan.
- 3.2 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.
- 3.3 Hanya pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.
- 3.4 Pertukaran pemain adalah tidak dibenarkan sebaik sahaja pemain berkenaan memulakan permainan

4. SISTEM PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut sistem SWISS dengan lima (5) pusingan.
 - 4.1.1 Sesama pemain hanya bertemu sekali sahaja dan pairing akan dibuat melalui sistem Swiss Manager terkini.
- 4.2 Tempoh Permainan
 - 4.2.1 Kawalan masa permainan adalah selama dua puluh lima (25) minit untuk setiap pemain hingga tamat permainan.
- 4.3 Kawalan Masa
 - 4.3.1 Kawalan masa untuk setiap permainan akan dibuat dengan menggunakan jam catur digital
- 4.4 Merekod Permainan
 - 4.4.1 Setiap pemain tidak diwajibkan merekod setiap pergerakan yang dilakukan.

5. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN PERLAWANAN

5.1 Setiap pemain akan diberikan mata seperti berikut:

| | | |
|--------|---|--------------------|
| Menang | - | 1 mata |
| Seri | - | $\frac{1}{2}$ mata |
| Kalah | - | 0 mata |

5.2 Sekiranya terdapat pemain yang berkongsi mata yang sama selepas pusingan akhir, sistem pemutus seri (tiebreak) berikut akan digunakan:

- i) Direct Counter
- ii) Bucholz
- iii) Sonneborn-Berger
- iv) Fide Tiebreak

5.3 Bagi menentukan kedudukan pingat, ranking selepas pusingan akhir setiap kategori akan digunakan.

6. PAKAIAN

6.1 Sila rujuk kepada Peraturan Am InterPTJ (Peraturan Am 8)

6.2 Pemain hendaklah berpakaian kemas, tidak menjolok mata serta tidak menganggu pihak lawan.

6.3 Selipar dan seluar pendek tidak dibenarkan.

7. KELEWATAN

7.1 Pemain yang datang lewat akan dikira kalah sekiranya masa yang diperuntukan untuk permainan tersebut tamat.

7.2 Pihak lawan akan memperolehi satu (1) mata secara percuma dan pihak yang lewat akan dikira kosong (0) mata.

8. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

8.1 Jika terdapat ‘bye’, satu (1) mata akan diberikan.

8.2 Sebarang alat elektronik terutamanya telefon bimbit tidak dibenarkan sepanjang permainan berlangsung. Pemain akan terus dikira kalah jika berbuat demikian

8.3 Pemain yang membuat illegal move akan diberi amaran kali pertama. Illegal move kali kedua akan dikira kalah.

8.4 Tindakan yang tegas akan diambil terhadap mana-mana pemain yang gagal menamatkan pertandingan.

8.5 Sebarang keputusan yang dibuat oleh ketua arbiter adalah muktamad.

8.6 Sebarang bantahan hendaklah diselesaikan dengan mengemukakan surat bantahan untuk diadili seterusnya oleh juri rayuan yang akan dilantik oleh pengawal.

8.7 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan InetrPTJ dan keputusan adalah **MUTAMAD**.